



UCAPAN

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ **MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KELIMA **PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT** **(PRIHATIN)**

12 Mei 2020

1. Assalamualaikum WBT dan Salam Hormat. Terima kasih kerana bersama saya dalam Laporan Laksana Ke-5 pada hari ini.
2. Sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada hari Ahad, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat telah dilanjutkan sehingga 9 Jun. Ini adalah ekoran nasihat daripada Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara, serta pandangan masyarakat yang mahukan Kerajaan terus mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memerangi Covid-19. InsyaAllah, moga saudara dan saudari, samada di rumah mahupun yang telah mula bekerja, teruskanlah kerjasama anda. *We have made great strides in the fight against Covid-19. Stay the course, to ensure our victory in time to come.*
3. Merujuk kepada semangat kerjasama di antara kita, semalam, Saya amat tersentuh hati membaca laporan berita mengenai adik Nur Afia Qistina Zamzuri, pelajar sekolah berumur 9 tahun. Beliau menggunakan masa lapangnya untuk menjahit pakaian pelindung diri (PPE) untuk petugas barisan hadapan. Berasal dari Kuala Pilah, Nur Afia mula menjahit sejak berumur 5 tahun. Kini dia menjahit sehingga 4 PPE setiap hari untuk diberikan kepada hospital tempatan. Alhamdulillah, dan terima kasih adik Nur Afia. *I am humbled by your efforts to support our frontliners. Thank you.*
4. Pada minggu lalu, saya telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Pelabuhan Kelang. Di sana, saya berpeluang melihat sendiri usaha-usaha yang diambil oleh pegawai Kastam dan juga Imigresen dalam memastikan operasi pelabuhan serta aktiviti perkastaman berjalan lancar. Sepadan negara terus dilindungi walaupun berdepan dengan Covid-19. Terima kasihlah, *frontliners* di Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga Jabatan Imigresen Malaysia.

5. Menurut YAB Perdana Menteri, sejak PKPB bermula, seramai 6.64 juta atau 43.6 peratus pekerja telah kembali bekerja. Alhamdulillah, pembukaan ekonomi berperingkat berjalan dengan amat teratur.
6. Ketika lawatan kerja saya ke Pelabuhan Klang minggu lalu, saya melihat sendiri usaha-usaha pembukaan semula ekonomi. Sememangnya, Covid-19 telah memberi kesan yang besar kepada aktiviti pelabuhan kerana ia mengganggu rantai bekalan bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga di peringkat global. *This unprecedented situation reminds us of how inter-connected the global economy is.* Ini juga adalah peringatan kepada kita semua bahawa kesan Covid-19 dirasai oleh ekonomi seluruh dunia, dan usaha memulih dan membangun ekonomi akan mengambil masa.

Saudara dan saudari yang dihormati,

7. Izinkan saya terus berkongsi status pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, atau PRIHATIN, pada minggu ini.
8. Kita mulakan dengan langkah-langkah di bawah **Matlamat Pertama PRIHATIN iaitu “Lindungi Rakyat”**.
9. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN.**
 - a. Antara 4 hingga 10 Mei, bayaran **Fasa Kedua** telah bermula melibatkan **5.79 juta penerima** dengan jumlah **RM2.63 bilion**. Bayaran Fasa Kedua akan diteruskan pada minggu ini. Bagi mereka yang tiada akaun bank atau berstatus Gagal Kredit, penerimaan bayaran secara tunai akan boleh dibuat daripada BSN mulai 14 Mei. Ini dianggarkan akan melibatkan **800,000 penerima** dengan peruntukan **RM300 juta**.
 - b. Daripada 8.3 juta penerima yang telah diluluskan, pencapaian pembayaran **Fasa Pertama** adalah pada kadar 96% manakala **Fasa Kedua** yang sedang berjalan ini di tahap 49%. Saya telah mengingatkan pegawai Kementerian agar memastikan pembayaran disampaikan dengan secepat mungkin dan bayaran dijangka disempurnakan menjelang hujung minggu ini.

BPN Fasa Pertama dan Kedua				
	Penerima Fasa Pertama (6 April-15 April)	Jumlah bayaran	Penerima Fasa Kedua (4 Mei-15 Mei)	Jumlah bayaran (anggaran)
M40 Bujang	0.43	RM0.11 bilion	Bayaran antara 11-15 Mei	-
M40 Isi Rumah	0.72	RM0.36 bilion		-
B40 Bujang	3.20	RM1.6 bilion	2.83	RM0.85 bilion
B40 Isi Rumah	3.43	RM3.43 bilion	2.96	RM1.78
Keseluruhan	7.78	RM5.5 bilion	5.79	RM2.63

- c. Mulai 9 Mei yang lalu, pemohon yang telah membuat **permohonan baharu dan rayuan** telah boleh menyemak status layak BPN mereka. Alhamdulillah, 2.3 juta permohonan telah diluluskan selepas melalui proses semak silang oleh 10 agensi Kerajaan termasuk LHDN, SSM, JPN dan lain-lain. Kelulusan ini melibatkan peruntukan tambahan sebanyak **RM1.7 bilion**. Pembayaran bagi permohonan baharu dan rayuan yang diluluskan akan bermula 15 Mei 2020.
- d. Jumlah yang besar ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan rakyat dilindungi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang berbangkit. Ada pemohon yang gagal layak BPN kerana pelbagai faktor berdasarkan kepada proses semak silang antara 10 agensi yang saya sebutkan tadi.
- e. Pihak Kementerian Kewangan menerima pandangan di mana terdapat kemungkinan bahawa mereka yang benar-benar layak telah tercicir daripada menerima BPN. Contohnya, ada yang kehilangan pekerjaan pada tahun ini disebabkan Covid-19 dan status terkini tidak dirakam di dalam pangkalan data. Ada yang data pasangan belum dikemaskini. Ada juga yang berdaftar dengan SSM atau merupakan pengarah syarikat tetapi syarikat berstatus tidak aktif, tiada pendapatan dan sebagainya.
- f. Sehubungan itu, Kementerian telah membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh rayuan BPN sehingga 31 Mei. Pemohon yang tidak lulus boleh menghantar emel berserta dokumen berkenaan kepada rayuanbpn@hasil.gov.my ataupun pergi ke mana-mana kaunter LHDN seluruh negara. Kami tidak janji semua rayuan boleh diluluskan, tetapi mana-mana rayuan yang memenuhi syarat dan munasabah, dengan bukti dokumen yang berkaitan, Insya-Allah boleh diluluskan.
- g. Secara keseluruhannya, sehingga 10 Mei, seramai 10.6 juta rakyat Malaysia merupakan penerima BPN. Dengan peruntukan sebanyak RM11 bilion, iaitu tambahan RM1 billion daripada peruntukan asal RM10 bilion, komitmen Kerajaan untuk membantu rakyat memang tidak berbelah bahagi.
- h. Pada kesempatan ini, izinkan saya berkongsi sebuah video ringkas mengenai seorang penerima BPN yang menetap di Wangsa Maju. Beliau ditimpa kemalangan jalanraya beberapa tahun dahulu dan menghadapi kesukaran berjalan. Kini beliau dijaga oleh anaknya sepenuh masa. Duit BPN digunakan untuk menampung keperluan harian dan meringankan beban seharian. Apa yang ingin saya katakan ialah Kerajaan sedar cabaran yang dihadapi rakyat dan akan membuat sedaya upaya untuk memastikan rakyat dilindungi. Inilah amanah kita sebagai Kerajaan. [Video Plays]

10. Seterusnya, program **i-Lestari KWSP**. Pada minggu lalu, diumumkan KWSP telah meluluskan lebih 3.5 juta permohonan berjumlah RM1.66 bilion. Pada minggu ini, sehingga 10 Mei, **3.7 juta permohonan** diluluskan dengan anggaran jumlah terlibat **RM1.76 bilion**.

i-Lestari	Jumlah diluluskan* (RM billion)	Jumlah Permohonan (juta)*
10 Mei	1.76	3.7
3 Mei	1.66	3.5
26 April	1.57	3.3
19 April	0.70	1.5
12 April	0.57	1.17

*Jumlah Kumulatif

11. Selain itu, bagi **langkah pengurangan caruman EPF oleh pekerja daripada 11% kepada 7%**, jumlah pengurangan caruman yang dianggarkan akan diterima ahli KWSP untuk bulan Mei adalah **RM954.7 juta**.
12. Ketiga, **diskaun elektrik**. berdasarkan tarikh bil terakhir iaitu 30 April 2020 daripada Tenaga Nasional Berhad. Sebanyak **RM58.3 juta** diskaun elektrik telah diberikan, di mana lebih 84% daripada subsidi elektrik tersebut adalah untuk pengguna isirumah.

Saudara dan saudari yang dihormati.

13. Seterusnya saya ingin berkongsi status pelaksanaan langkah-langkah di bawah **Matlamat Kedua PRIHATIN** iaitu **“Sokong Perniagaan”**.
14. Pertama, untuk **Subsidi Upah**, sehingga 10 Mei, **RM2.1 bilion** telah diluluskan bagi **258,165 majikan** yang mewakili **1.9 juta pekerja**.
15. Kerajaan berharap agar subsidi upah ini akan dapat membantu syarikat untuk terus mengekalkan seramai mungkin pekerja masing-masing sekurang-kurangnya sehingga bulan Jun. Ini boleh **membantu mengekalkan kapasiti sedia ada – sekurang-kurangnya pada tahap 50% – agar kita bersedia untuk menyusuri gelombang pemulihan ekonomi kelak**. Jika kapasiti di tahap yang terlalu rendah, kita perlu membuat peruntukan yang lebih tinggi untuk menambah kapasiti tersebut.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM billion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
10 Mei	2.10	258,165	1.9
3 Mei	1.90	235,000	1.7
26 April	1.35	195,000	1.5
19 April	1.20	159,000	1.0

16. **Kedua**, ialah **Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP**.

- a. Setakat 10 Mei, sebanyak **13,690 permohonan telah diterima, dan** sebanyak **2,032 permohonan telah diluluskan bernilai RM13.4 juta** bagi caruman KWSP majikan.
- b. Di sini, saya ingin menekankan **bahawa bukanlah mudah untuk memproses berpuluh-ribuan permohonan, dan saya memohon sedikit kesabaran dari pihak majikan**. Pihak KWSP dan agensi-agensi Kerajaan yang lain perlu meneliti setiap permohonan panangguhan caruman KWSP majikan secara *case-by-case*. **Walaupun pengalaman COVID-19 ini tidak pernah kita alami, ini tidak bermakna kita boleh meluluskan apa sahaja permohonan dengan sewenang-wenangnya.** *Yes, unprecedented times call for unprecedented measures, but it does not mean that we should throw caution to the wind in the process of approving applications.*

Dana Pinjaman Mudah PKS Peruntukan: RM6.3 bilion	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

17. **Ketiga**, mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)**:

- a. Setakat **10 Mei**, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM4.7 bilion**, dan ini akan memanfaatkan **11,975 PKS**.

18. **Keempat**, adalah mengenai **Geran Khas Prihatin (GKP) untuk PKS mikro**. Minggu lepas, saya telah pun mengumumkan bahawa GKP telah dibuka untuk pendaftaran dari 1 hingga 15 Mei 2020. Sehingga 10 Mei, hampir **500,000 permohonan** telah diterima. Jika semuanya diluluskan, ini akan melibatkan lebih kurang **RM1.5 bilion**.

19. **Kelima**, izinkan saya berkongsi mengenai **Skim Kredit Mikro dengan kadar faedah atau keuntungan 0%**, di mana jumlah keseluruhannya adalah bernilai **RM700 juta**:

- a. Pada minggu ini, di bawah skim kredit mikro BSN, 2,626 permohonan telah diluluskan, bernilai RM114 juta.

- b. Bagi program Tekun pula, jumlah permohonan yang diluluskan ialah 8,562, dengan nilai RM72 juta.
- c. Saya berharap skim pinjaman ini dapat dimanfaatkan oleh PKS Mikro dengan sebaik mungkin.

Skim Kredit Mikro Peruntukan: RM700 juta dengan kadar 0%	Kredit Mikro BSN		Tekun	
	Jumlah* PKS	Nilai* (RM juta)	Jumlah* PKS	Nilai* (RM juta)
10 Mei	2,626	114	8,562	72
3 Mei	2,026	90	4,981	42
26 April	1,703	76	1,769	15

20. **Keenam, bagi Projek Kerajaan Berskala Kecil:**

- a. Senarai projek yang telah dimuktamadkan bernilai RM2.4 bilion
- b. Kementerian Kewangan telahpun mengeluarkan pekeliling berhubung tatacara perolehan selaras dengan keperluan PKP Bersyarat. Sebagai contoh, dengan keperluan penjarakan social, proses cabut undi tidak lagi akan diadakan dalam dewan dengan dihadiri beratus kontraktor tetapi dibuat di pejabat Kerajaan dengan siaran langsung melalui media social
- c. Agensi Kerajaan yang berkenaan disarankan mengguna garis panduan baharu untuk menyegerakan proses perolehan dan pelaksanaan projek.

21. Seterusnya, saya ingin berkongsi mengenai peruntukan untuk perkhidmatan perubatan dalam usaha menangani Covid-19. Dari jumlah **RM1.5 bilion yang telah diperuntukkan:**

- a. Setakat hujung April 2020, Kementerian Kewangan telah meluluskan perbelanjaan berkaitan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan sebanyak **RM 1.0 bilion**.
- b. Antara perbelanjaan utama adalah berkaitan **pembelian PPE RM230 juta, bahan saringan dan gunahabis RM250 juta, peralatan termasuk ventilator dan thermal scanner RM150 juta dan emolumen kakitangan kontrak RM100 juta**.
- c. Selebihnya peruntukan akan disalurkan kepada Kementerian Kesihatan mengikut keperluannya untuk memerangi COVID-19 dalam minggu-minggu akan datang.

Saudara dan saudari yang dihormati,

22. Alhamdulillah, berkat disiplin Rakyat yang bekerjasama dengan Kerajaan dalam menangani COVID-19, serta peruntukan Kerajaan bagi perkhidmatan kesihatan awam, usaha-usaha Malaysia telah diiktiraf serata dunia.
23. Walau bagaimanapun, sentiasalah berwaspada *and we must never ever let our guard down*, lebih-lebih lagi kerana kita telah membuka semula ekonomi secara berperingkat. Menurut adik saya, bila dia pergi membeli belah baru-baru ini, 5 kedai yang dilawati, maka lima kalilah suhunya diambil dan 5 kali juga dia perlu mendaftar untuk memudahkan *contact tracing*, jika perlu. Saya memujuknya, tak mengapalah kita susah sikit, asalkan wabak ini dapat terus dibendung dan kita selamat. Inilah norma baharu yang kita perlu terima.
24. Sebelum mengundurkan diri, izinkan saya berkongsi serangkap pantun:

Megah Merpati, Lambang Keamanan,
Berkicau Indah, Di Pinggir Muara,
Mandat diberi, Usaha Dilaksanakan,
Moga Allah Lindungi Rakyat dan Negara.
25. Sekian, sehingga kita berjumpa lagi di minggu hadapan, wabillahitaufik walhidayyah. Assalamualaikum wbt, stay safe, dan salam hormat. Sama-sama bermuafakat, InsyaAllah kita pasti menang!